



KOSPETA

KELUARAN KHAS BERITA BERGAMBAR

■ Koop Negara No. 66

■ PERCUMA

■ 2011

KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD



EN. AZIH BIN MUDA, PPN, PJK
Pengerusi



En. Pissal bin Abu., BKM, PJK
Pengerusi 3P

JAWATANKUASA



Setiausaha



AJK



AJK



AJK

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 29 DI AIR KEROH, MELAKA PADA 24-25 JUN 2011



Mantan Pengerusi Koperasi KOSPETA Tn Hj. Abu Hasan



Isi Kandungan

Anggota Lembaga	- 2
Mesyuarat Agung di Kota Bharu	- 3
Promosi Menjual Barangan Elektrik	- 4
Pemasaran Jualan Ikan	- 5
Kursus Asas Ternakan Ikan Air Tawar	- 6
Lawatan Naib Yang Di Pertua ANGKASA	- 7
Mesy & Perbincangan Industri Ikan Air Tawar	- 8
Makan Malam Di Muar	- 9
Mesyuarat Pinjaman di Pejabat Cawangan Zon Selatan	- 10
Majlis Perasmian Pejabat Baru	- 11
Taklimat SWM Pontian	- 12
Taklimat Ikan Dolfin	- 13
Lawatan ke KOPERKASA Sarawak	- 14
Majlis Perasmian Projek Fasa ke 11	- 15
Anugerah Cemerlang	- 16
Taklimat Anulae / Kospeta	- 17
Biro Wanita Kospeta & Penjualan Ikan Air Tawar	- 18
Bangunan & Tanah Kospeta	- 19
Usahawan Berjaya	- 20

PEJABAT BERDAFTAR

WISMA KOSPETA
No. 10 & 12 Tingkat 1,
Jalan 6/3A Km 12 Off Jalan
Ipoh Pusat Bandar Utara
68100 Batu Caves
Kuala Lumpur

Telefon : 03-61366097
(4 talian) & 61360564
Faksimili : 03-61384463

**ANGGOTA LEMBAGA
KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD**



SDRA HJ MOHD FAIZI BIN HJ AZNAM, PPN
SETIAUSAHA



SDRA AZIH BIN MUDA, PPN, PJK
PENERUSI



SDRA RAMLI BIN KALIL, PJK
BENDAHARI



SDRA PISSAL BIN ABU, BKM, PJK
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA ABD RAHIM BIN MAHAD,
AMN, PMC, PJK, PJK
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA HJ ABU HASSAN BIN HJ ABDULAH,
BKT, PPN, PJK
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA HJ IBRAHIM BIN TALIB, PPN
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA MUHAMAD BIN SAAD, PJM
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA ADNAN BIN MAT, BKM
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA SAMSUDDIN BIN ABDUL RAHMAN, PPW
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA AB RAHMAN BIN ABU BAKAR, PPA
ANGGOTA LEMBAGA



SDRA SALEEM BIN SULAIMAN
ANGGOTA LEMBAGA



KOSPETA

**SEKITAR MESYUARAT AGUNG
KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD
DI KOTA BHARU, KELANTAN**



Suasana Mesyuarat Agung Kali Ke 28
Pada 27 Jun 2010

PROMOSI MENJUAL BARANGAN ELEKTRIK OLEH SYARIKAT KVK MULTIMEDIA PADA 15.08.2010



PROMOSI DJ MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

PEMASARAN DAN JUALAN IKAN



Semenjak bermulanya pemeliharaan ternakan ikan air tawar pada Bulan April 2010 sehingga kini sudah 7 bulan berlalu ikan Talapia, Patin dan Keli telah beberapa kali sudah dijual yang mana ramai dikalangan peniaga-peniaga gerai ikan bakar disekitar Pekan Kuala Kangsar datang membelinya.



Pada 14-11-2010 saya berkesempatan mengekori Tuan Haji Mohd. Faizi bin Haji Aznam dengan menaiki vannya pergi ke Pasar Ikan Kuala Kangsar menghantar pesanan ikan keli sebanyak 40 kilo untuk pagi tersebut.

Rata-rata peniaga-peniaga ikan bakar disekitar Pekan Kuala Kangsar turut membantu mempromosikan ikan sangkar air tawar hak milik Koperasi KOSPETA kepada orang ramai kata mereka ikan disangkar ini cukup sedap.



Kursus Asas Ternakan Ikan Air Tawar Pada 19 - 21 Oktober 2010

Sekalung TAHNIAH diberikan kepada SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA Cawangan Wilayah Persekutuan khususnya kepada En. Aminudin bin Yahya yang telah berjaya menganjurkan Kursus Teknik Pengerusan Asas Dan Latihan Praktikal Ternakan Ikan Air Tawar (Ikan Keli) Peringkat Zon Selatan yang diadakan baru-baru ini pada 19-21/10/2010 bertempat di SUN INNS Hotel, Kuala Selangor.



Kursus yang diadakan ini sudah mampu dapat menarik minat peserta-peserta dari Koperasi-koperasi yang menyertainya, kesenibungan jika ada peserta-peserta yang hadir tempoh hari sekiranya mereka berminat bolehlah meneruskan program ini dengan memohon bantuan teknikal dari SKM dan sebagainya.



Penceramah telah berjaya menyampaikan kertas kerjanya berdasarkan pengalamannya sendiri mengendalikan ternakan ikan keli yang diusahakan oleh koperasinya. Apa-apa pun jika kita nak melaksanakannya dengan berharap bantuan sepenuhnya dari kerajaan khususnya SKM tanpa berusaha maka batalkanlah hasrat tersebut.



Bagi menjayakan program ini pertama sekali mesti ada minat, masa dan kesungguhan barulah boleh berjaya dengan menyediakan kertas kerja serta mendapat persetujuan koperasi dimajukan kepada SKM serta lain-lain agensi. Syarat utama mesti menghaziri mana-mana kursus asas mengenai ternakan ikan air tawar.



Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad telah menghantar 3 orang peserta menghaziri Kursus ini iaitu Tuan Haji. Mohd. Faizi bin Haji. Aznam, Setiausaha Koperasi, En. Aziz bin Muda, ALK (Pengerusi Urusniaga) dan En. Pissal bin Abu, ALK (Setiausaha Urusniaga).



Lawatan Naib Presiden Angkasa PADA 14 NOVEMBER 2010

Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad mengucapkan SELAMAT DATANG kepada En. Jamal bin Abdullah Naib Yang DiPertua ANGKASA yang telah mengadakan Lawatan ke Projek Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Sangkar pada hari ini 14/11/2010 yang terletak ditebing Sungai Klasik Kuala Kangsar, Perak.



Dalam lawatan singkat ini beliau sempat mengadakan lawatan disekitar tebing sungai dengan turun sendiri ke pelantar ikan memberi makanan ikan serta sempat memegang ikan-ikan yang masih hidup. Dengan lawatan ini ianya amat memberi makna buat Koperasi KOSPETA dengan harapan perkara ini diambil perhatian serta mendapat bantuan dari segi teknikal dan sebagainya.



Selepas melawat sangkar En. Jamal dibawa melihat projek mendirikan Chalet dan Shaley yang terletak bersebelahan dengan Restoran dihadapan Tapak Ikan Air Tawar yang baru.

Setiausaha Koperasi KOSPETA tuan punya restoran bermurah hati menyediakan makan tengahari kepada semua pelawat dengan memperkenalkan masakan Ikan Talapia Merah, Patin dan Ikan Keli untuk para tetamu.

Sebaik sahaja selepas makan kami pun bertukar-tukaran pandangan dan pendapat cara-cara bagaimana nak memaju koperasi KOSPETA Khususnya dalam Pemeliharaan Ikan Air Tawar serta menebusi pasaran-pasaran di dalam negeri.



Akhir sekali sebelum bersurai Tuan Setiausaha Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad menjemput Tuan Haji Abu Hassan bin Abdullah, Pengerusi Koperasi KOSPETA menyampaikan buah tangan iaitu Ikan Talapia, Patin, Pisang dan Tomato Sauce kepada En. Jamal Abdullah sebagai kenang-kenangan dari Tuan punya Restoran D Tebing Klasik Sungai Perak, Kuala Kangsar.



MESYUARAT & PERBINCANGAN INDUSTRI IKAN AIR TAWAR DI ALOR SETAR, KEDAH 28 NOVEMBER 2010

Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad diantara 9 koperasi telah dijemput oleh SKM Wilayah Persekutuan untuk menduduki sebagai Jawatankuasa Kerja Pakatan Strategik Industri Ikan Air Tawar. Malam ini 28-11-2010 telah berlangsungnya mesyuarat pertama bagi Jawatankuasa ini bertempat di Hotel Regency Alor Setar, Kedah.

Puan Hajah Meriam binti Md. Nor, Pengarah Bahagian Promosi Dan Pembangunan SKM Ibu Pejabat telah menpengkerusikan mesyuarat awal dan beliau telah menerangkan tujuan diadakan perjumpaan pada malam ini dikalangan Koperasi-koperasi yang hadir. Beliau juga menyarankan supaya mesyuarat malam ini salah satu ajendanya melantik Pengerusi dan Jawatankuasa Kerja Pakatan Strategik Industri Ikan Air Tawar.



Objektifnya

1. Untuk meningkat kerjasama strategik dan jaringan perniagaan antara koperasi-koperasi yang bergiat dalam sektor ternakan ikan air tawar.
2. Untuk bertukar-bertukar fikiran dan pandangan dalam aktiviti ternakan ikan air tawar.
3. Untuk menggabungkan produk-produk koperasi untuk dipasarkan secara bersama.



Pegawai-pegawai SKM yang turut hadir En. Amirnudin bin Yahya, Ketua Penolong Pengarah, En. Norhisham bin Muhamad Ali, En. Baharom bin Sharif, En. Sufian bin Hashim dan En. Mohd. Dzahir bin Ahmad.

Mesyuarat berakhir pada jam 11.30 malam insyaallah jumpa lagi 3 bulan yang akan datang di Kuala Kangsar jika dipersetujui.

**AJNURAN SKM WJLAYAH
PERSEKUTUAN**

MAKAN MALAM DI MUAR

Ketibaan kami di Bandar Muar pada 15-12-2010 jam 6.30 petang disambut oleh tuan rumah En. Ramli Kalil Bendahari Koperasi KOSPETA, keadaan dalam Bandar begitu sibuk sekali kemudian kami dibawa check in di Hotel River View.



Di sebelah malam kami dibawa keluar makan malam di sebuah warong yang terletak di hujung kampung berhampiran pantai, Kedai ini terletak bersebelahan dengan laut, angin malam bersepoi-sepoi wah cukup berselera apabila menjamah makanan yang dihidangkan. Makanan di Muar paling popular iaitu ikan Asam Pedas yang mana didapati ramai pelancong berkunjung di kedai tersebut.



En. Ramli Kalil Bendahari KOSPETA telah menghantar Van Jabatan bersama pemandunya untuk mengambil kami di hotel ke kedai makan. Makanan pagi ini disediakan oleh En. Ramli Kalil tuan rumah moga-moga murah rezekinya.

Habis saja kami semua makan rombongan kami dijemput menyanyi. Hah tunggu apa lagi seperti mengantuk disurongkan bantal la, maka dengan tidak segan silu kami pun menyanyi didahului En. Pissal kemudian diikuti oleh En. Shamshuddin, sekurang-kurangnya dapat melepaskan rindu pada karaoke.



MESYUARAT PINJAMAN DI PEJABAT ZON SELATAN (MUAR)



Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad mengadakan mesyuarat pinjaman pada 16-12-2010 (Khamis) jam 10.00 pagi di Pejabat Operasi Wilayah Selatan Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad, Muar, Johor.

Semua Jawatankuasa Pinjaman telah hadir didalam mesyuarat tersebut dengan meluluskan pinjaman dari anggota-anggota seramai 90 orang termasuk pinjaman Rayuan, TPTP Barangan Penguna dan Berjamin sebanyak RM 2,592.000.00.



MAJLIS PERASMIAN PEJABAT CAWANGAN ZON SELATAN (MUAR)

Tuan Haji Muhammad Fuad bin Haji Radzuan, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Muar telah sudi merasmikan Pejabat Operasi Wilayah Selatan, Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad pada 16-12-2010 Hari Khamis jam 3.00 petang bertempat di No. 107-8, Jalan Lama 84000 Muar, Johor.

Seramai 70 orang terdiri daripada Tuan Setiausaha Majlis, Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Lembaga Koperasi, Staff-staff Majlis, Staf Kospeta dan juga Pekerja-pekerja Majlis.

Kehadiran Tuan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Muar disambut oleh Tuan Setiausaha Majlis serta Ahli-ahli Lembaga Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad.

Majlis dimulakan dengan lagu negaraku dan diikuti dengan bacaan doa selamat, Tuan Haji Abu Hassan bin Abdullah telah memberi ucapan dengan mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Muar serta semua yang hadir.



Taklimat Keanggotaan Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad (Pontian, Johor)

Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad telah mengadakan sesi taklimat mengenai Koperasi KOSPETA kepada Pekerja-pekerja SWM pada 17-12-2010 jam 3.00 petang di Dewan Mini Stadium, Pontian, Johor.



Pengerusi Koperasi bersama Pengerusi 3P telah memberi taklimat kepada Seramai 80 orang Pekerja-pekerja SWM yang menghadiri di dalam taklimat ini, Perjumpaan hari ini telah berjaya menarik minat semua yang hadir sebagai anggota Koperasi.




PAMERAN
KVK

Perjumpaan hari ini turut hadir bersama iaitu Syarikat KVK yang mana mengurusniaga dengan Koperasi sebagai ejen membekal Talipon, Komputer serta alat-alat elektrik kepada anggota-anggota Koperasi KOSPETA seluruh negara.



MESYUARAT KHAS & TAKLIMAT URUSNIAGA IKAN DOLFIN PADA 07 JANUARI 2011



Lawatan ke KOPERKASA Berhad 21 Januari 2011

Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad diketuai Ahli Lembaga Koperasi bersama-sama dengan Warga Kerja melawat ke Pejabat Koperasi KOPERKASA Berhad, di Kucing Serawak pada 21/01/2011, kedatangan kami disambut dengan begitu mesra sekali, kami dibawa masuk ke pejabat dan melawat disetiap tingkat di Bangunan Koperasi serta diberi taklimat oleh pegawai-pegawai yang bertugas.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan di ikuti dengan ucapan pengacara majlis seterusnya Pengerusi Koperasi KOPERKASA Berhad memberi taklimat mengenai struktur dan organisasi Koperasi. Sebaik sahaja selesai En. Azih bin Muda Pengerusi Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad mewakili semua Ahli Lembaga dan Wargakerja dalam memberi ucapan balasnya.

Rombongan kami dibawa ke sebuah Hotel untuk menikmati jamuan makan tengahari bersama-sama dengan warga kerja Koperasi KOPERKASA Berhad.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK FASA KE 11 TERNAKAN IKAN AIR TAWAR DALAM SANGKAR PADA 11 FEBRUARI 2011

Projek Fasa 11 Ternakan Ikan Air Tawar dan Chalet Batu & Bambo telah dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Ahli Parlimen Padang Rengas, Merangkap Menteri Jabatan Perdana Menteri, Malaysia pada 11 Februari 2011 di Tebing Kota Klasik Pasir Batang Kulim, Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar.

Kehadiran YB. Dato' Seri Mohamed Nazri disambut oleh Pengarah SKM, Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua-ketua Kampong, Pengerusi serta ALK Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad. Majlis malam tersebut mendapat sambutan mengalakkan dengan dihadiri oleh seramai 200 orang.

YB. Dato' Seri Mohamed Nazri telah sudi menanda tangani di plak peringatan Chalet serta memotong ribbon chalet tersebut selepas itu beliau telah sekali lagi membuka tirai untuk papan tanda Ternakan Ikan Air Tawar Fasa Ke 2. Tembakan bunga api adalah acara yang paling menarik sebaik sahaja selepas YB. Dato' Seri Mohamed Nazri merasmikan majlis perasmian tersebut.

Setelah selesai kesemuanya YB. Dato' Seri Mohamed Nazri dibawa ke khemah jamuan makan untuk makan malam merasai Ikan Talapia Bakar Air Tawar bersama-sama dengan jemputan yang lain.



TERIMA KASIH YB

ANUGERAH CEMERLANG KOPERASI KOSPETA 2008 - 2009

TAHNAH kepada Koperasi KOSPETA yang dapat menganjurkan Hari Anugerah Cemerlang kepada Staff-staffnya walaupun dalam kesederhanaan majlis pada hari tersebut ianya sungguh bermakna kepada setiap warga kerja, dengan penganugerahan ini mereka akan lebih bersemangat untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang dalam menjalankan tugas seharian mereka.

2008



Majlis Penganugerahan ini diadakan bersekali dengan majlis berbuka puasa pada 20/08/2010 di Hotel K.L International. Staff-staff yang cemerlang semua diberi sijil bersama bonus serta yang tak cemerlang turut mendapat bonus 1 1/2 bulan.

2009



Taklimat ANULAE/KOSPETA

Terima Kasih kepada YBhg. Dato' Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seremban diatas undangannya menjemput Sdr. Azih bin Muda Presiden ANULAE merangkap Timbalan Presiden Cuepacs serta Pengerusi Koperasi KOSPETA memberi taklimat khas mengenai Kesatuan Sekerja dan Koperasi didalam satu majlis perhimpunan bulanan Majlis Perbandaran Seremban pada 28-01-2011 jam 8.00 pagi diDewan Majlis Perbandaran Seremban.



Perhimpunan pada pagi itu dihadiri oleh semua kakitangan termasuk Tuan Setiausaha, Majlis Perbandaran Seremban. Taklimat yang disampaikan oleh Sdr. Azih bin Muda meliputi pelbagai aspek Perjawatan, Pentadbiran termasuk faedah-faedah bersekeseatuan sekerja dan menjadi Ahli Koperasi KOSPETA telah mendapat perhatian dari Tuan Setiausaha Majlis.

Koperasi KOSPETA dan ANULAE Cawangan telah membuka kaunter jualan barang-barang elektrik, Handphone dan sebagainya oleh Syarikat Multimedia (KVK) salah satu vendor yang dilantik oleh Koperasi.



JAWATANKUASA BIRO WANITA KOSPETA 2010



Sdri. Mariah bt. Ahmad
Pengerusi
(DBKL S) H/P -016-9707334



Sdri. Fauziah bt. Abd Malek
Setiausaha
(DBKL S) H/P-016-2944874



Sdri. Ruslina bt. Abdul Rahim
AJK
(MPAJ) H/P-016-3084143



Sdri. Khairunisa bt. Idris
AJK
(MPKJ) H/P-017-2840471



Sdri. Pushpaletchumy a/p S Krishnar
AJK
(MBPJ) H/P: 016-2866476



Sdri. Samsiah bt. Bachik
Penyelaras
(KOSPETA) H/P-012-6899804

PENJUALAN IKAN AIR TAWAR DALAM SANGKAR , KUALA KANGSAR, PERAK



Gambar dibawah adalah aktiviti penjualan Ikan Keli dan Talapia. Didalam sangkar terdapat 3 jenis Ikan iaitu Ikan Keli, Ikan Talapia dan Ikan Patin.

BANGUNAN DAN TANAH KOSPETA



USAHAWAN BERJAYA

Tuan Haji Mohd. Faizi bin Haji Aznam Setiausaha Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad dengan memberanikan dirinya membuat pinjaman RM 60,000.00 dari Koperasi KOSPETA untuk melabur bagi menyiapkan 8 unit Chalet dan 4 unit Shelay bagi pengunjung-pengunjung yang berminat memancing ikan dan bermalam disitu ditebing sungai klasik yang berada di bersebelahan ternakan ikan air tawar yang sedia ada.



Chalet dan Shelay didalam pembinaan

Sebuah dewan terbuka juga akan dibina disebelahan restoran untuk sebarang aktiviti Seminar Persendirian, Keluarga, Ngo atau lain-lain lagi. Dari segi susun atur kawasan ini saya percaya ianya akan dapat menarik para pelancong tempatan atau orang ramai untuk terus menginap di Chalet atau Shelay disitu.

Suasana malam yang dingin air sungai yang laju mengalir sudah boleh menarik orang ramai dan memang sesuai bagi pencipta alam dengan adanya TV besar sambil makan dan menonton.



CHALET & SHELAY BARU



TAHNIAH diatas keberanian Tuan Haji Mohd. Faizi bin Haji Aznam yang berani melabur begitu banyak wang bagi tujuan membina Chalet dan Shelay termasuk Restoran dan semoga ianya akan Berjaya.

